

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP**

Bil:(10)dlm.MDBG.S.400-5/7/76

Tarikh: 17 Ogos 2026

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA: 30/2026)


SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebutharga ini terbuka kepada kontraktor yang **berdaftar SST / tidak berdaftar SST** serta **bertaraf Bumiputera** sahaja yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG & KELAYAKAN	TARIKH PENDAFTARAN	TARIKH DAN WAKTU PEMBELIAN DOKUMEN (SECARA ATAS TALIAN)	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebut harga: 30/2026 Projek: KERJA-KERJA PEMANGKASAN POKOK DI KAWASAN INDUSTRI PERABOT JALAN LAHAT, BATU GAJAH	GRED G1 Kategori CE Pengkhususan CE 21 dan i. Sijil Kursus Penyelenggaraan Pokok Teduhan Oleh Forest Research Institute (FRIM), Jabatan Landskap Negara atau Agensi Yang Berkaitan (MDBG) dan ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan iii. Sijil Taraf Bumiputra (STB) dan iv. Berdaftar dengan MDBG	Tarikh : 19 Ogos 2026 Waktu : 9.00 pagi hingga 11.00 pagi Tempat : Bahagian Landskap, Majlis Daerah Batu Gajah	Tarikh : 19 Ogos 2026 - 26 Ogos 2026 Harga Dokumen: RM50.00 Pautan bagi pembelian borang akan dimaklumkan semasa pendaftaran.	Tarikh Tutup: 26 Ogos 2026 Jam: 12.00 tgh hari

Bil:(10)dlm.MDBG.S.400-5/7/76

1. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut harga.
2. Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Kontraktor MDBG** dan dikemukakan semasa pendaftaran. (**Wakil tidak dibenarkan**).
3. Semua kontraktor hendaklah memastikan bahawa **Sijil CIDB dan Sijil Bhg. Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (PKK)** masih **berkuatkuasa 3 bulan sebelum** menghadiri lawatan tapak dan juga semasa memasuki sebut harga tersebut. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk memasuki sebut harga ini.
4. Penyebut Harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.
5. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebut harga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga**.
6. Semua borang sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA, DI JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
7. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
8. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga yang disyorkan.



(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, PMP., AMP.**)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Batu Gajah.